

Sempena Malam Dirgahayu Majlis Kurnia anjuran Kolej E UMS Baru-Baru ini Era kegemilangan Melaka terlakar

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

UMPAMA mengimbas kembali kegemilangan pada waktu negeri Melaka terkenal sebagai pusat perdagangan dunia untuk dijadikan tema penganjuran, Kolej Kediaman E Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ini cuba membawa kelainan dan inovasi sempena majlis makan malam kolej berkenaan.

Malam Dirgahayu Majlis Kurnia yang diadakan baru-baru ini adalah acara tahunan yang dianjurkan Kolej E bagi meraikan para mahasiswa baru dan juga mereka yang berada di tahun akhir yang mana sebelum ini ia diadakan atas nama Malam Seribu Kenangan @ E.

Pengarah Program, Faiznur Ailena Abdul Rahman berkata, penganjuran majlis pada tahun ini membawa tema era kegemilangan Melayu Melaka memandangkan ia sangat menarik dan memenuhi konsep 1 Malaysia.

Menurutnya, selain dapat



FAIZNUR AILENA

mendalami sejarah dan merasai era kegemilangan Melaka, majlis ini juga secara tidak langsung dapat memperlihatkan daya kreativiti para mahasiswa dalam mengadaptasi sejarah ke dalam bentuk penganjuran majlis.

“Ia juga bertepatan dengan objektif program ini untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara warga Kolej E dengan felo-felo, barisan kepimpinan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej E dan sesama warga kolej sendiri yang berbilang



KREATIF.. Para barisan AJK Penganjur merakamkan kenangan bersama Kasim (duduk tengah) dan Andika (duduk tiga kiri).

agama, bangsa dan budaya,” katanya ketika ditemui *Utusan Borneo*.

Selain itu beliau menjelaskan, majlis berkenaan juga bagi meraikan mantan barisan kepimpinan Kolej E yang banyak membantu dalam melancarkan pengurusan kolej.

Turut hadir merasmikan majlis itu, Timbalan Naib Canselor (TNC), Hal Ehwah Pelajar & Alumni UMS,

Prof. Madya Dr. Kasim Mansur dan Pengetua Kolej Kediaman E, Dr. Andika Aziz Hussin.

Kasim dalam ucapannya berkata, usaha menganjurkan majlis itu sejajar dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi yang mahu para graduan yang dilahirkan oleh setiap universiti berkualiti, sama ada dari segi akademik dan mempunyai sahsiah diri yang tinggi dengan mengaplikasikan

kemahiran-kemahiran insaniah yang ada pada setiap mahasiswa.

“Inilah hasil yang dapat kita lihat iaitu ada dari kalangan mahasiswa-mahasiswa ini yang mampu untuk menjadi pemimpin bagi mengendalikan sesebuah organisasi,” katanya.

Beliau berharap ia mampu memberi impak yang positif kepada pemerikasaan mahasiswa dan seterusnya dapat dikekalkan dalam usaha memperkasakan modal insan sebagai penerus agenda perubahan dan pembangunan negara.

Kasim yang memegang watak sebagai Raja Kerajaan Pasai pada majlis itu turut memuji kreativiti pihak penganjur dan menganggap ia adalah majlis yang paling ‘grand’ pernah dihidupinya



CENDERAHATI.. Kasim menyampaikan cenderahati kepada salah seorang mantan Jakmas Kolej E.

sejak menjadi TNC.

Sementara itu, Andika berkata, sejarah adalah disiplin ilmu yang dipelajari secara luas oleh banyak bangsa dan kaum yang mana masyarakat umum mempunyai semangat yang tinggi untuk mengetahuinya.

Justeru katanya, sekali lagi sejarah tercipta di Kolej E dengan penganjuran majlis makan malam 2011 yang diserikan dengan tema yang lebih berbentuk ilmiah dan kreatif.

“Tidak ada salahnya untuk kita berhibur semasa majlis makan malam, namun biarlah ia sesuai dengan tahap keintelektualan mahasiswa serta mampu menjana kreativiti setiap yang terlibat,” jelasnya.

Antara persembahan menarik dari kelab-kelab

Kolej Kediaman E pada malam itu termasuklah Kelab Lentera Tari dengan persembahan tarian rampaian Melayu asli dan tari tualang tiga serta nyanyian solo dari Safwan Junit, Kelab Gema Pawana yang membuat sambutan paluan kompang, Kelab Seni Muzik Tradisional dengan sambutan tetamu jemputan dan muzik iringan sepanjang program, Kelab Silat Kalimah melalui persembahan silat dan lakonan pahlawan Melaka sedang bertarung, Kelab E-Updates yang membuat Montaj, Kelab Warisan Artistik yang mempersembahkan lakonan, Kelab Alumni (persembahan lakonan), dan Kelab Seni Orator sebagai pengacara majlis.